Kita memilih dasar2 yang menguntungkan

ESOK: Datuk Musa menjawab soalan tentang negara Islam

BARU-BARU ini majalah *Asean Forecast* yang beribupejabat di Singapura menemubual *DATUK MUSA HITAM*, Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Hal-Ehwal Dalam Negeri, Malaysia. Berikut disiarkan kandungan penuh temubual itu:

☐ Imbangan akaun semasa telah mencatatkan satu defisit yang sangat tinggi sejak 1981 — melebihi $10 ribu juta. Apakah langkah-langkah yang diambil untuk mengurangkan defisit itu?

■ Ya, kami mempunyai masalah defisit ekonomi. Siapa yang tidak? Tetapi kalangan orang-orang kewangan akan menyatakan oleh kerana terdapat defisit, potongkan perbelanjaan. Apa yang kami cuba mahu katakan ialah — oleh kerana ada defisit, tingkatkan daya pengeluaran.

Apabila ada projek yang membabitkan perbelanjaan modal yang sangat tinggi, pastikan bahawa hasilnya akan lebih menguntungkan. Jadi, apa yang kami cuba lakukan ialah begini: jikalau kita mengikut nasihat semua pakar kewangan itu sebagai langkah terbaik mengurangkan defisit, iaitu mengurangkan projek-projek kerana adanya kemelesetan, apabila pemulihan berlaku, kita nanti tidak boleh bergerak kerana ketiadaan barang-barang yang kita perlukan.

Katakanlah, sebuah kilang besi berharga $400 juta, lalu kita batalkannya. Dalam tahun 1985-86, apabila orang ramai memerlukan besi itu kita tidak mempunyainya kerana kita baru sahaja menghapuskannya. Tetapi, kami merasakan bahawa jika kita meletakkan $400 juta, menjelang 1986, kita akan mendapat faedah darinya. Ini adalah satu faktor yang kami timbangkan.

Sejak kira-kira 10 tahun lalu, sektor awam kelihatan mengambil alih tugas-tugas sektor swasta dengan cepatnya. Sektor awam berada di mana-mana. Oleh itu Perdana Menteri telah mengumumkan satu konsep baru yang dipanggil penswastaan sektor awam — seperti sistem telekomunikasi, pelabuhan, lapangan terbang kepada perkara-perkara yang kecil. Perubahan sikap yang pentingnya.

Konsep menyeluruh peningkatan daya pengeluaran dalam pentadbiran — Bersih, Cekap dan Amanah — adalah lebih mudah diperkatakan dari diamalkan, tetapi secara konsepnya ia telah mula meresap ke jiwa rakyat.

Tidak menghapuskan projek-projek, penswastaan, dan peningkatan daya pengeluaran — inilah tiga langkah kami menyelesaikan masalah kewangan yang kami hadapi. Namun demikian, masih ada tindakan keempat — mengurangkan perbelanjaan apabila kami rasakan sangat-sangat perlu berbuat begitu. Kami memilih projek-projek kami baik-baik.

☐ Boleh Datuk huraikan mengenai konsep penswastaan dan Persyarikatan Malaysia?

■ Ada satu perbezaan antara konsep penswastaan sektor awam dan konsep Persyarikatan Malaysia. Secara ringkas, penswastaan sektor awam bererti, sebagai misalan, memberikan telekomunikasi untuk dikendalikan oleh sebuah syarikat swasta. Ia akan mengendalikannya selagi ia berkesan. Apa sahaja perkhidmatan yang kita mahu serahkan kepada sektor swasta, katakan pelabuhan, hendaklah dikendalikan supaya untung dan cekap.

Konsep Persyarikatan Malaysia ialah begini — ia pada asasnya bertujuan, pertama, menjadikan Kerajaan diuruskan dengan cara yang lebih bercorak perniagaan.

Keduanya, untuk menukar sikap kedua-dua sektor swasta dan awam terhadap masing-masing. Ramai kakitangan Kerajaan merasakan apabila seorang ahli perniagaan datang untuk mendapatkan lesen dia datang untuk meminta tolong. Pertolongan ini kadangkala boleh membawa kepada rasuah.

Sebaliknya, sektor swasta tidak harus menganggap Kerajaan sebagai pengacau. Ia sepatutnya menganggap Kerajaan sebagai rakan kongsinya. Sekali lagi, ia adalah persoalan sikap yang sedang kita tanamkan ke dalam fikiran rakyat. Inilah apa yang berlaku di Jepun. Di sinilah pula kaitannya dengan dasar Pandang ke Timur.

Apabila Perdana Menteri pergi melawat Timur Tengah, Fiji, atau Jepun beliau membawa bersamanya satu kumpulan ahli perniagaan yang beliau sifatkan sebagai cukup penting untuk meninjau kemungkinan-kemungkinan pelaburan dan menyertai projek usahasama (dengan pengusaha Fiji, misalnya). Ini adalah selaras dengan konsep itu. Kita harus menganggap satu sama lain sebagai rakan sekongsi.

☐ Bagaimanakah matlamat-matlamat penswastaan dan Dasar Ekonomi Baru boleh dicapai serentak? Tidakkah terdapat pertanggahan?

■ Kemungkinan pertanggahan itu ada tetapi apabila kami katakan 'Penswastaan,' kami sentiasa mempastikan ia secucuk dengan DEB. Sebagai contoh, kita mungkin terkejut untuk mengetahui bahawa empat buah syarikat gergasi telekomunikasi diketuai oleh Bumiputera dan dikendalikan oleh Bumiputera.

Sangat menarik juga bahawa konsep Bumiputera telah menjadi kurang Bumiputera sekarang kerana mungkin sebuah syarikat Bumiputera dengan jurutera India, jurutera dan juruteknik Cina serta orang-orang Melayu bekerja berganding bahu. Terdapat lebih $2 ribu juta projek bagi Telekom sekarang — menjelang 1986, saya mahu melihat tiada langsung permintaan.

Dalam proses memberi kepada Bumiputera, mereka ini memberi sokongan pula kepada industri-industri yang diberikan juga kepada bukan Bumiputera. Boleh saya katakan memang mudah bercakap dari membuatnya. Tetapi sebaik sahaja kita menerima konsep itu, melaksanakannya, kita akan tengok apa yang berlaku dan mengesannya dan cuba membetulkan diri kita. Kita hendaklah pandai memilih.

☐ Sudahkah keutamaan-keutamaan pemilikan DEB dipenuhi, dan apakah Kerajaan akan mengenakan peraturan-peraturan lebih tegas terhadap penguasaan bukan Bumiputera ke atas ekonomi? Adakah DEB akan dilanjutkan selepas 1990 apabila matlamatnya sekarang dipenuhi?

■ Soalan-soalan ini jika tersilap dijawab akan hanya menakutkan ramai orang dan akan hanya diputar-belitkan oleh ahli-ahli politik dan mereka yang suka mencari kesilapan. Adalah sangat menakjubkan bagaimana selepas 10 tahun perlaksanaan DEB, keadaan telah berubah dengan pesatnya. Hakikat dulu berlainan dari hakikat sekarang. Sebagai contoh, apabila kita memperkatakan tentang sektor korporat, kita sekarang mendapati sektor korporat Malaysia tidak lagi berbentuk nasional, malah telah menjadi multinasional. Kita berjaya membawa pulang London Tin, Guthries, Sime Darby, Harrison dan Crosfield, Highland dan Lowland.

Bagaimana kita mengukur peratusannya dalam DEB? Bagaimana kita mengiranya? Pada masa ini ia mengelirukan kami sedikit. Lalu Perdana Menteri memperkenalkan gagasan — saya memajukannya. Beliau berkata: "Janganlah kita bersikap negatif. Marilah kita jangan cuba menyekat mereka atau melihat keseluruhan prestasi." *Di situlah* konsep PNB (Permodalan Nasional Berhad) berguna. PNB tidak lain dan tidak bukan dari satu gabungan syarikat-syarikat yang ternama yang sebahagian sahamnya dimiliki oleh orang Melayu. Ia sangat sesuai dengan konsep DEB. Dalam ucapan saya di Universiti Pertanian (pertengahan Mei) saya yang pertama sekali menyuarakan kebimbangan bahawa saya masih belum puashati dengan usaha-usaha menghapuskan kemiskinan.

Jurangnya semakin luas. Berbanding dengan lain-lain negara, keadaan kita masih lagi memuaskan. Tetapi bagi Malaysia, saya tidak puashati. Walaupun seorang petani yang dulunya mendapat $200 sekarang memperoleh $300, apa yang diterima oleh pekerja sektor bandar mungkin sekali ganda lebih dari itu. Tidak ada peraturan yang sahih dan jelas untuk mengatakan kita mesti berhenti pada tahun 1990. Kita perlu mengesannya dan saya kini sibuk di peringkat kajian separuh penggal (Rancangan Malaysia Keempat). Kita perlu mengkaji keadaan itu di beberapa peringkat. Pertama, kajian separuh penggal rancangan Malaysia itu. Kedua, penilaian jangka pendek tentang apakah rancangan Malaysia itu. Kemudian saya perlu memikirkan tentang Rancangan Malaysia Kelima. Apabila rancangan kelima itu sampai ke tahun 1990, saya perlu memikirkan selepas itu.

Adalah terlalu awal untuk menyatakan apa yang perlu dilakukan. Ia bergantung kepada bagaimana kita membentangkannya dan apa tujuan kita. Jika kita melihat angka-angkanya, kita mungkin dengan mudah menyatakan kita telah mencapai 30 peratus. Ia adalah terlalu rumit. Proses pemeriksaan sedang berjalan dan ia adalah sangat penting apabila kita berbicara tentang DEB.

Ia adalah pendekatan serampang dua mata, 1) menghapuskan kemiskinan, 2) menyusun semula masyarakat. Jika menjelang 1990 kami merasa kami masih terlalu jauh dari situ, mungkin terdapat satu lagi strategi. Sewajarnya dalam tahun 1990 kami perlu memikirkan satu strategi baru, walaupun jika kami mencapai kejayaan dalam DEB kerana kami adalah masyarakat dinamik. Ia perlu diterima oleh seluruh negara sejajar dengan proses sistem politik. Tetapi, apa yang penting ialah mesti ada persetujuan ramai dan persefahaman dengan partiparti Kerajaan yang terdiri dari Cina, India, dan lain-lain kumpulan bukan Melayu.

Bahan asal dari Arkib
Negara Malaysia